



## 175. Deposit Tender

### Deposit Tender Tempatan Atau Antarabangsa

- 175.1 (a) Pembekal atau kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan atau **CIDB** seperti yang diperuntukkan di bawah Arahan Perbendaharaan 184 adalah dikecualikan daripada deposit tender bagi tender tempatan dan antarabangsa.
- 175.1 (d) Sekiranya pembekal atau kontraktor menolak tawaran setelah tawaran dibuat kepadanya dalam tempoh sah laku tawaran berkenaan atau melanggar apa-apa syarat tawaran atau syarat kontrak yang ditetapkan oleh Kementerian/Jabatan dari masa ke semasa, tindakan tatatertib akan diambil terhadap mereka. Kementerian/Jabatan hendaklah melaporkan kesalahan pembekal atau kontraktor kepada Perbendaharaan/**CIDB** untuk diambil tindakan tatatertib.